

“Saya setuju beri penjelasan bertulis”

Um - 8/7/2005

Oleh ABDUL RAZAK DIN

IPOH 7 Julai – Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, beliau akan memberi penjelasan bertulis kepada Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu pemberian permit import (AP) dan dasar automatif negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, surat yang disediakan oleh Setiausaha Sulit Khasnya (SUSK) akan menjelaskan semua fakta, perangkaan dan maklumat berhubung isu itu dan salinannya akan turut disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, surat berhubung isu itu juga akan diserahkan kepada Kabinet.

“SUSK saya sedang menunggu tarikh dan masa yang sesuai untuk menyerahkan surat itu kepada Tun Dr. Mahathir,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis Sepetang Bersama Pemimpin sempena lawatan rasminya ke Perak di kediaman Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali, di sini hari ini.

Rafidah berkata demikian ketika diminta mengulas kontroversi berhubung tindakan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff yang mengkritik dasar automatif kerajaan minggu lalu kerana tidak melindungi kereta nasional dalam satu wawancara dengan akhbar *Oriental Daily*.

Rafidah berkata, beliau setuju untuk memberikan penjelasan secara bertulis kepada Dr. Mahathir tetapi tidak berhasrat untuk menjelaskannya secara peribadi kepada beliau.

“Setakat ini cukup dengan penjelasan secara bersurat dan kita tengok masa depannya dan saya tidak bercadang untuk berjumpa Tun dalam masa terdekat ini,” katanya.